

HALANGAN EKONOMI DALAM MENUNAIKAN TUNTUTAN ZAKAT DI KALANGAN OKU PENGLIHATAN

Nabihah Binti Ismail @ Ghazali

*Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor
(nabihahismail09@gmail.com)*

Hamdi Bin Ishak

*Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor
(hamdi@ukm.edu.my)*

Tengku Intan Zarina Binti Tengku Puji

*Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor
(tiztp@ukm.edu.my)*

ABSTRAK

Zakat menjadi kewajipan bagi setiap Muslim yang bermatlamat dalam membasmi masalah ekonomi dan di samping merapatkan jurang golongan kaya dan miskin. Berdasarkan kepada syarat wajib zakat yang terdiri daripada tiga perkara iaitu Islam, mencukupi nisab dan haul telah menunjukkan bahawa golongan OKU penglihatan juga tidak terkecuali dalam membayar zakat. Namun, bagi golongan OKU penglihatan menghadapi kesukaran untuk melaksanakan tuntutan tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan bagi mengkaji amalan zakat di kalangan OKU penglihatan, mengenal pasti pelaksanaan kutipan zakat bagi OKU penglihatan, dan menganalisis beberapa halangan dari sudut ekonomi yang terpaksa dihadapi oleh golongan OKU penglihatan dalam menunaikan zakat. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kajian kes yang melibatkan pihak PERTIS dan MAIDAM. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur yang melibatkan 7 orang responden yang terdiri daripada pengerusi PERTIS, 5 orang OKU penglihatan dan pegawai MAIDAM. Dapatan kajian menunjukkan tidak ramai golongan OKU penglihatan yang mampu menunaikan zakat. Hal ini disebabkan kesukaran mereka dalam menjana ekonomi. Secara tidak langsung, halangan tersebut memberi kesan kepada pelaksanaan zakat dalam kalangan mereka. Kajian ini juga secara tidak langsung dapat memberi maklumat kepada pihak institusi zakat dalam memainkan peranan mereka bagi meningkatkan ekonomi dalam kalangan OKU penglihatan. Diharapkan akan ada kesinambungan daripada kajian ini dan dapat dimanfaatkan oleh setiap pihak.

Kata kunci: Zakat, Orang Kurang Upaya Penglihatan, Halangan Ekonomi

ECONOMIC BARRIERS AMONG THE VISUALLY IMPAIRED PEOPLE IN PAYING ZAKAT

ABSTRACT

Zakat is a duty for every muslim who aims to eradicate economic problems and to bridge the gap between the rich and the poor. Based on the obligatory requirement of zakat consisting of three matters namely islam, sufficient nisab and haul have shown that blind people are also not exempted from paying zakat. however, visually impaired people have difficulties in implementing the claims. Therefore, this study is aimed at studying zakat practices among blind people, identifying the implementation of zakat collection for blind people, and analyzing some of the economic barriers faced by blind people in paying zakat. The design of this study is a qualitative study using case study method involving pertis and maidam. This study uses semi-structured interview methods involving 7 respondents consisting of pertis chairmain, 5 blind individuals and maidam officers. The findings show that there are not many blind people who can afford to pay zakat. This is due to their difficulty in generating the economy. Indirectly, these obstacles affect the implementation of zakat among themselves. The study also indirectly provides information to the institution of zakat in their role to improve the economy among the blind. it is expected that there will be continuity from this study and could be utilized by each party.

Keywords: Zakat, Visually Impaired People, Economic Barriers

PENGENALAN

Zakat merupakan sebahagian daripada sistem ekonomi Islam yang juga merupakan salah satu rukun Islam yang wajib diketahui dan dilaksanakan oleh umat Islam. Sistem ekonomi Islam dapat ditakrifkan sebagai prinsip-prinsip umum yang telah diambil dari al-Quran dan al-Sunnah bagi membina pembangunan ekonomi. Antara prinsip umum ekonomi yang telah diperkenalkan ialah hak seseorang untuk memiliki. Zakat pula merujuk kepada perpindahan harta yang merupakan milik seseorang kepada individu lain untuk dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Tidak diragui bahawa zakat sebahagian daripada sistem ekonomi Islam berdasarkan kepada nas-nas khusus yang menjelaskan tentang zakat termasuk jenis-jenis zakat yang wajib dikeluarkan, kadar zakat yang perlu dikeluarkan dan golongan yang berhak menerima zakat (Abu Ruwais 2008).

Kewajipan melaksanakan zakat tidak dinafikan lagi apabila terdapat beberapa nas yang menjelaskan tentang kewajibannya dan ancaman balasan

azab bagi mereka yang enggan melaksanakannya. Antara nas yang menunjukkan kewajiban setiap Muslim membayar zakat adalah;

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha mendengar, lagi Maha Mengetahui.” (Al-Tawbah 9:103)

Rasulullah s.a.w juga bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya engkau akan mendatangi suatu kaum dari Ahli Kitab. Kerana itu, jika engkau menjumpai mereka, serulah mereka kepada syahadat, tidak ada yang berhak disembah dengan hak, kecuali Allah dan Muhammad adalah utusan Allah. Jika mereka mentaati engkau dalam hal itu, maka ajarilah mereka, bahawa Allah telah mewajibkan atas mereka solat lima waktu dalam sehari semalam. Jika mereka mentaatimu dalam hal tersebut, maka ajarilah mereka bahawa Allah telah mewajibkan atas mereka sadaqah atas harta mereka, yang diambil dari orang-orang kaya mereka dan dibahagi-bahagikan kepada para fakir miskin dari mereka”. (Riwayat Bukhari, no Hadith: 1395, Sahih Bukhari, Kitab: Zakat, Bab: Kewajipan Zakat 1/244).

Antara hikmah pensyariatkan zakat adalah bagi membentuk peribadi seseorang Muslim. Di samping itu, zakat adalah merupakan salah satu instrumen bagi membasmi masalah kemiskinan sekaligus mampu membentuk sebuah masyarakat yang bahagia dan harmoni. Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t dalam surah Al-Baqarah.

Maksudnya: “dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan”. (Al-Baqarah 2:110)

Setiap manusia dilahirkan dengan pelbagai keadaan sama ada normal atau kurang upaya. Bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU), kekurangan tersebut tidak menghalang mereka daripada melaksanakan tuntutan zakat dan masih termasuk dalam kalangan mereka yang wajib membayar zakat. Sehubungan dengan itu, Islam telah menggariskan beberapa panduan dan hak-hak tertentu bagi golongan ini.

Namun, bagi golongan OKU mereka terpaksa berhadapan dengan beberapa halangan untuk melaksanakan zakat. Antara halangan tersebut ialah halangan ekonomi. Ini kerana, tanpa sumber pendapatan ia akan menjadi kesukaran buat mereka untuk melaksanakan tuntutan tersebut. Jika penjana ekonomi dalam kehidupan seharian mereka tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna, maka ini akan menjejaskan kutipan zakat dalam kalangan mereka. Golongan OKU penglihatan sendiri ingin mengubah persepsi masyarakat yang mendakwa mereka hanya mengharapkan bantuan sekaligus mereka juga ingin berusaha dan menjadi salah seorang penyumbang kepada ekonomi Negara.

Oleh itu, kajian ini bertujuan bagi mengkaji amalan zakat di kalangan OKU penglihatan, mengenal pasti pelaksanaan kutipan zakat bagi OKU penglihatan, dan menganalisis beberapa halangan dari sudut ekonomi yang terpaksa dihadapi oleh golongan OKU penglihatan dalam menunaikan zakat. Kajian yang dijalankan ini hanya tertumpu kepada zakat bagi OKU penglihatan di Terengganu yang melibatkan pihak Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Terengganu dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Kajian ini di bahagikan kepada beberapa bahagian iaitu dimulai dengan pengenalan kajian yang merangkumi isu kajian, objektif kajian serta batasan dalam kajian. Kedua, pengkaji mengumpul beberapa kajian lepas yang berkait dengan tajuk kajian dan cuba merungkaikan kelompangan daripada kajian-kajian sebelum ini. Ketiga pengkaji menjelaskan metodologi yang digunakan dalam menghasilkan kajian ini termasuk reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan analisis data. Seterusnya, dikupaskan beberapa hasil kajian yang diperolehi berdasarkan kepada temu bual. Pengkaji juga mengeluarkan beberapa cadangan bagi penambahbaikan yang dapat dilakukan terutama dalam meningkatkan ekonomi di kalangan OKU penglihatan serta implikasi daripada hasil kajian. Akhir sekali merupakan penutup dan rumusan daripada kajian ini.

KAJIAN LEPAS

Sepanjang penelitian penulis, terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan tentang pelaksanaan zakat namun ia berbeza dari skop kajian. Al-Qaradhawi (2001) di dalam kitabnya *Fiqh al-Zakat telah* membahaskan zakat dengan begitu jelas daripada perbahasan hukum, syarat zakat, asnaf, dan sebagainya. Penulis tertarik dengan perbahasan daripada beliau dengan kedatangan pelbagai pandangan daripada ulama' dan tidak tertumpu kepada pandangan satu mazhab sahaja. Beliau juga menyarankan agar menekankan pelaksanaan terhadap kutipan dan agihan zakat yang bersesuaian dengan perkembangan semasa.

Terdapat juga beberapa kajian terkini yang membincangkan tentang kewajipan zakat bagi golongan OKU namun ia tidak secara terperinci dan kebanyakannya hanya tertumpu kepada penerangan hukum. Ini dapat dilihat pada kajian Ab Aziz et al. (2009) dan Azman, Zulkifli & Mohammad Naqib (2015) yang lebih tertumpu kepada hukum zakat bagi golongan OKU. Mereka bersependapat bahawa syarat-syarat wajib zakat ialah Islam, memiliki nisab dan cukup haul setahun atas pemilikan nisab dan ia tidak dinyatakan pemilik harta itu seorang baligh, berakal dan cerdik. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa semua golongan OKU wajib membayar zakat termasuk kecacatan akal, fizikal, pendengaran, percakapan dan OKU penglihatan sekiranya mereka mempunyai harta yang wajib dizakatkan dan cukup syarat-syarat tersebut. Pengkaji bersetuju dengan pandangan mereka bahawa golongan OKU penglihatan tergolong dalam kalangan mereka yang wajib membayar zakat. Namun, penulisan ini hanya menjelaskan secara ringkas tentang zakat OKU sedangkan kajian berkaitan zakat boleh diperluaskan dan dijelaskan dengan lebih terperinci iaitu dengan merungkai pelaksanaan tuntutan zakat dalam kalangan mereka.

Kesedaran juga mempengaruhi seseorang dalam menunaikan zakat. Ini bertepatan dengan kajian oleh Hasan Bahrom (2005) yang mendapati kesedaran memainkan peranan penting dalam melaksanakan tanggungjawab zakat. Beliau juga mencadangkan agar diperluaskan lagi kajian ini bagi meningkatkan kutipan dan kesedaran umat terhadap kewajipan zakat. Penulis juga bersetuju dengan cadangan tersebut dan perlu diperhalusi terutama bagi golongan minoriti iaitu golongan OKU. Hal ini memandangkan terdapat beberapa kesukaran yang dihadapi oleh mereka termasuk ekonomi.

Meskipun terdapat beberapa kajian lepas yang telah membincangkan tentang halangan ekonomi bagi golongan OKU tetapi tidak dikaitkan dengan pelaksanaan zakat dalam kalangan mereka. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Sarimah et. al (2012) di kalangan OKU pendengaran menunjukkan tahap masalah pemilihan kerja dikalangan mereka masih berada pada tahap yang tinggi. Keadaan ini kerana terdapat beberapa halangan yang menyukarkan golongan OKU memperoleh pekerjaan bagi menjana ekonomi mereka iaitu tiada kemudahan yang sesuai disediakan bagi golongan OKU di tempat kerja, sikap OKU itu sendiri dalam pemilihan kerjaya dan OKU kurang mahir dengan bidang pekerjaan yang dipohon. Ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Suhaila et. al (2013) yang bertajuk "*Persepsi Majikan Terhadap Pekerja Orang Kurang Upaya (OKU) dalam Organisasi di Negeri Johor*" yang menunjukkan kesukaran memperoleh pekerjaan masih berlaku dikalangan mereka meskipun dapatan kajian beliau mendapati pihak majikan memberikan persepsi yang positif terhadap pekerja OKU. Oleh itu, beliau mencadangkan agar permasalahan ini perlu diperhalusi lagi agar dapat diselesaikan.

Penulis juga bersetuju dengan cadangan tersebut iaitu agar diteliti dengan lebih mendalam. Hal ini kerana, kesukaran mereka dalam menjana ekonomi mampu mempengaruhi mereka dalam menunaikan tuntutan zakat. Jika masalah ini berterusan, golongan OKU juga akan berterusan berada pada aras yang sama tanpa ada peningkatan untuk menjadi salah seorang pengeluar zakat. Meskipun pelbagai kajian berkaitan zakat namun kajian yang dipilih oleh penulis ini berbeza dari skop kajian-kajian yang sebelumnya.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kualitatif. Menurut Bryman (2001) kajian kualitatif adalah pendekatan yang digunakan bagi penyelidikan sosial dan tidak memerlukan kepada pengumpulan data kuantitatif. Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah kajian kes memandangkan kajian ini hanya melibatkan satu kelompok yang tertentu sahaja iaitu melibatkan OKU penglihatan. Berdasarkan kepada Chua Yan Piaw (2006) kajian kes melibatkan kepada pengumpulan data secara sistematik dan mendalam mengenai tingkah laku individu tertentu, keadaan sosial atau peristiwa khusus bagi mengetahui tingkah laku individu atau perubahan keadaan sosial berlaku.

Sampel kajian ini terdiri daripada 7 orang responden yang terdiri daripada Pengerusi Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Terengganu, 5 orang OKU penglihatan dan pegawai zakat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Ini adalah senarai responden yang terlibat dalam kajian ini.

R1, Mohd Fauzi Hj Mansor. (2016). Pengerusi PERTIS. Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Terengganu.

R2, Harun @ Mohd bin Ali. Ahli PERTIS. Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Terengganu.

R3, Muhammad Zaki bin Ismail. Ahli PERTIS. Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Terengganu.

R4, Ramli bin Mat Shom. Ahli PERTIS. Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Terengganu.

R5, Muhammad Tahir bin Ismail. Ahli PERTIS. Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Terengganu.

R6, Muhammad bin Awang. Ahli PERTIS. Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Terengganu.

R7, Penolong Setiausaha Zakat. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Pemilihan sampel adalah secara bertujuan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja yang dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini juga hanya menumpukan kepada kajian di Negeri Terengganu kerana berdasarkan kepada kajian Sanep & Hairunnizam (2005) mendapati Terengganu salah sebuah negeri yang menunjukkan pembayar zakat berpuas hati dengan pengurusan zakat di negeri tersebut.

Penulis telah membina tiga set soalan temu bual memandangkan ia melibatkan 3 pihak yang berlainan iaitu pegawai PERTIS, individu OKU dan pegawai zakat. Kaedah temu bual separa berstruktur yang telah digunakan kerana kaedah ini menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau tidak berstruktur. Soalan-soalan dalam temu bual separa berstruktur dibina terlebih dahulu tetapi jawapan lebih bersifat terbuka serta boleh diperkembangkan mengikut budi bicara penemubual dan responden (Othman 2014).

Pengkaji menjalankan temu bual dengan menggunakan *software recorder* bagi merekod segala data yang diperolehi melalui temu bual yang dijalankan. Hasil temu bual yang direkod telah dipindahkan dalam bentuk tulisan. Transkrip temu bual ditulis dengan setiap maklumat yang diperolehi dan telah dibaca dan disemak dengan berulang kali bagi mengelakkan berlaku kesilapan maklumat. Setelah itu, pengkaji menyusun segala data yang telah ditranskripsi mengikut tema-tema yang telah ditetapkan. Pengkaji merekod mengikut tema bertujuan bagi menjawab segala persoalan kajian dan mencapai objektif kajian yang dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Zakat bagi OKU penglihatan

Istilah Orang Kurang Upaya mempunyai pelbagai definisi daripada beberapa pendapat yang berbeza. Menurut Zinaida Ariffin (2006) OKU didefinisikan sebagai individu yang tidak berupaya menentukan sendiri sebahagian keperluan dirinya atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal ataupun mental dan memerlukan bantuan daripada orang lain untuk meneruskan kehidupan mereka. Dari perspektif WHO (2007) pula, OKU boleh digambarkan sebagai perkaitan dengan beberapa aspek kehidupan seperti kerosakan fungsi atau struktur badan yang menyebabkan aktiviti mereka terhad atau menjadi penghalang untuk mereka melibatkan diri dengan kerja dan bersosial. Akta Orang Kurang Upaya (2008) juga mendefinisikan OKU sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka

panjang dari aspek fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi boleh menyekat penglibatan mereka dalam masyarakat. Kesimpulannya, Orang Kurang Upaya merupakan mereka yang mempunyai kekurangan fizikal atau mental yang menjadi penghalang untuk mereka menjalankan aktiviti seharian sama ada bekerja atau bersosial.

Kertas kerja ini hanya fokus kepada golongan OKU penglihatan iaitu mereka yang tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhadap kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan. Kurang upaya penglihatan dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori terhadap apabila penglihatan lebih teruk dari 6/18 tetapi sama dengan atau lebih baik daripada 3/60 walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan atau medan penglihatan kurang dari 20 darjah dari penetapan. Kategori kedua ialah buta iaitu apabila penglihatan kurang daripada 3/60 atau medan penglihatan kurang dari 10 darjah dari penetapan (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2011). Menurut Patti Fuhr & Lyman Norden (2002), perkataan buta itu merujuk kepada masalah penglihatan yang terdiri daripada mereka yang mempunyai masalah penglihatan kepada buta sepenuhnya. Terdapat perbezaan antara mereka yang mempunyai masalah penglihatan dan buta sepenuhnya. Mereka yang mempunyai masalah penglihatan ialah seseorang yang boleh melihat walaupun tidak jelas manakala seseorang yang buta sepenuhnya ialah seseorang yang tidak dapat melihat walaupun sedikit dan penglihatannya gelap. Kajian ini merangkumi kedua-dua jenis masalah penglihatan tersebut.

Perlaksanaan ibadah seperti solat, puasa dan zakat adalah tanda kepatuhan dan ketaatan seorang hamba kepada Allah s.w.t serta sebagai penghubung antara makhluk dan pencipta. Ibadah-ibadah tersebut tidak dikecualikan ke atas golongan OKU penglihatan meskipun terdapat beberapa kesukaran bagi mereka untuk melaksanakan segala tuntutan tersebut. Hairunnizam et. al (2009) menyatakan zakat sebagai salah satu ibadah dan termasuk dalam rukun Islam memainkan peranan penting dalam kehidupan umat Islam. Ia berperanan sebagai salah satu mekanisme ibadat kewangan dan perekonomian yang mampu membantu umat Islam. Menurut Ibnu Manzur (1996) dalam *Lisan al-Arab*, kata nama zakat setelah dikaji dari sudut bahasa ia membawa maksud tumbuh, berkat dan terpuji iaitu semua perkataan ini digunakan dalam al-Quran dan al-Hadith. Zakat menurut istilah pula ialah merujuk kepada kadar yang tertentu daripada harta yang diwajibkan oleh Allah s.w.t kepada mereka yang berhak (al-Qaradhawi 2001). Menurut Abd Wahab Fatoni & Adibah Hasanah (2008) zakat merupakan sebahagian penyerahan wajib sebahagian harta kekayaan kepada golongan yang berhak menerimanya melalui amil yang bertauliah bagi mencari keredhaan Allah s.w.t, penyucian diri dan harta kekayaan bagi membangunkan masyarakat berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditentukan oleh syarak.

Zakat merupakan satu perkongsian iaitu mengambil harta mereka yang berada dan golongan kaya untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan seperti golongan miskin dan mereka yang hidup melarat. Falsafah zakat juga menggambarkan tentang keseimbangan sosial di dalam Islam iaitu semakin kaya sesebuah masyarakat maka semakin meningkat kutipan zakat. Jadi, seandainya kutipan zakat semakin meningkat maka nasib golongan asnaf zakat akan semakin terbelah (Zarina et. al 2012). Secara kesimpulannya, zakat mempunyai pelbagai definisi dan ini dapat dirangkumkan bahawa zakat merupakan sebahagian harta yang wajib dikeluarkan apabila memenuhi syarat-syarat yang tertentu dengan kadar tertentu dan diagihkan kepada mereka yang berhak yang telah ditetapkan oleh syarak.

Golongan normal mahupun golongan OKU tidak dikecualikan daripada melaksanakan tuntutan zakat berdasarkan kepada syarat-syarat wajib zakat yang telah ditetapkan. Menurut dalam al-Khin et. al (2011) syarat-syarat wajib zakat ialah Islam, memiliki nisab dan cukup haul setahun atas pemilikan nisab dan ia tidak dinyatakan pemilik harta itu seorang baligh, berakal dan cerdik. Jadi, ini menunjukkan bahawa semua golongan OKU tergolong dalam mereka yang wajib membayar zakat. Ab Aziz Mohd Zin (2009) dalam kajian yang bertajuk "*Dakwah dalam pelaksanaan ibadah utama*" juga ada membincangkan tentang hukum mengeluarkan zakat bagi OKU dan kajian menunjukkan kecacatan tidak menghalang mereka daripada wajib membayar zakat termasuk kecacatan akal seperti terencat akal, *down sindrom*, autisme dan lain-lain sekiranya mereka mempunyai harta yang wajib dizakatkan dan cukup syarat-syarat tersebut. Namun, ia tidak bermaksud bahawa mereka perlu membayar sendiri tetapi melalui wali mereka. Sekiranya mereka yang tidak mempunyai wali maka perintah tersebut menjadi tanggungjawab ke atas mereka sendiri untuk mengeluarkan zakat yang tertunggak daripada harta mereka setelah mereka baligh dan berakal (al-Khin et. al 2011).

Kewajipan zakat ini bukan hanya pada zakat fitrah tetapi juga kepada zakat harta. Kesedaran umat pada zakat harta masih tidak memberangsangkan dan ini dapat dilihat melalui kutipan zakat harta yang masih berada pada tahap yang rendah meskipun ada peningkatan. Ini disebabkan masih terdapat kekeliruan di kalangan masyarakat tentang kewajipan zakat harta yang sama seperti kewajipan membayar zakat fitrah. Zakat harta dikenakan ke atas harta-harta yang berkembang seperti emas dan perak, tanaman, galian dan juga termasuk wang simpanan, pendapatan gaji, saham dan sebagainya setelah cukup syarat yang telah ditetapkan (Hairunnizam et. al 2005).

Jika mereka tidak melaksanakan tuntutan tersebut mereka akan diazab di akhirat kelak. Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t yang menunjukkan ancaman Allah s.w.t terhadap mereka yang enggan membayar zakat dengan azab yang pedih pada hari kebangkitan kelak. (Mutawalli 2012).

Firman Allah s.w.t di dalam surah Al-Imran 3:180.

Maksudnya: *“Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka daripada kemurahanNya menyangkabhawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka, bahkan ia adalah buruk bagi mereka, mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak, dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi, dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan”*. (Al-Imran 3:180)

Rasulullah s.a.w. juga bersabda yang bermaksud:

“Barangsiapa yang tidak membayar zakat yang wajib ke atasnya, (kelak) di Hari Kiamat akan dimunculkan baginya ular jantan yang memiliki bisa yang sangat banyak. Ular tersebut akan menarik kedua tangan orang itu dan berkata kepadanya, saya ini adalah harta dan kekayaan yang telah kamu kumpulkan di dunia.” (Riwayat Bukhari, no Hadith: 1403, Sahih Bukhari, Kitab: Zakat, Bab: dosa yang tidak mahu mengeluarkan zakat 3/245)

Zakat diwajibkan agar dapat menjauhkan orang kaya daripada perasaan bakhil dan kedekut serta mengelakkan orang-orang fakir miskin daripada perasaan hasad dengki dan dendam terhadap kemewahan yang dinikmati oleh golongan kaya. Ia juga mampu mengelakkan huru hara dan kekecewaan yang akan timbul daripada mereka yang tidak berpuas hati dan tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya (Mohamad Zaini et. al 2014). Zakat membentuk sikap toleransi antara satu sama lain dan mampu untuk mengurangkan ruang kemaksiatan, mengelak daripada timbul sikap ego dan akhir sekali akan terbentuk rasa kasih dan saling menyayangi sesama umat Islam. Zakat juga sebagai lambang dan simbol penyatuan umat Islam kerana apabila seluruh umat Islam saling tolong-menolong sesama mereka dan mencintai kebaikan akan mampu menghilangkan segala perasaan hasad dengki dan permusuhan sesama sendiri (Mutawalli 2012).

Zakat fitrah juga diwajibkan kerana dapat membersihkan jiwa mereka yang berpuasa daripada perkara-perkara yang melalaikan seperti mengeluarkan perkataan yang buruk dan sia-sia. Ia juga bertujuan agar golongan asnaf akan merasai dari lubuk hati mereka bahawa masyarakat Islam tidak mensia-siakan dan mengabaikan mereka terus dalam kesusahan dan terhalang daripada mendapat hak-hak mereka (Muhammad Ramzi 2004).

Ini jelas menunjukkan kepentingan zakat yang merupakan salah satu ibadah yang perlu dilaksanakan bagi memenuhi keperluan sebagai Muslim. Ia

bukan hanya berperanan untuk kepentingan peribadi bahkan untuk kepentingan agama dan masyarakat. Ini juga menggambarkan umat Islam terdidik agar sentiasa prihatin dengan keadaan sekeliling dan saling bantu-membantu antara satu sama lain meskipun tiada pertalian darah.

Pelaksanaan Kutipan Zakat oleh Pihak MAIDAM bagi OKU Penglihatan di Terengganu

Hasil dapatan kajian menunjukkan kutipan zakat bagi golongan OKU penglihatan masih berada pada tahap yang kurang memuaskan memandangkan tidak ramai dalam kalangan mereka yang menunaikan kewajipan zakat. Kenyataan oleh R7 yang mewakili pihak MAIDAM menyatakan sepanjang beliau berkhidmat di unit pungutan tiada golongan OKU penglihatan yang membayar zakat di Kaunter MAIDAM. Meskipun begitu berkemungkinan besar masih terdapat golongan OKU penglihatan yang melaksanakan tuntutan zakat tetapi hanya sebilangan kecil.

“...Saya pernah duduk di pungutan zakat selama 3 tahun tetapi melalui saya, masih belum ada. Mungkin ada yang bayar tetapi tidak ramai. Kalau tanya pegawai di kaunter mungkin dia tahu. Berkemungkinan juga dia buat internet banking atau kaedah lain. Jadi, kita susah nak kesan...” (R7)

Penulis juga telah mendapat kepastian daripada pihak kaunter pungutan MAIDAM dan pihak mereka menyatakan hanya segelintir sahaja dalam kalangan OKU penglihatan yang menunaikan zakat sama ada zakat fitrah mahupun zakat harta. Majoriti dalam kalangan OKU membuat pembayaran zakat melalui wakil sama ada ibu bapa, adik beradik atau menggunakan kaedah lain yang telah disediakan oleh pihak pengurusan zakat seperti bayaran melalui *online*, potongan gaji dan sebagainya.

“...hanya segelintir sahaja OKU laksana zakat. Biasa dia wakil kepada ibu bapa, adik beradik atau bayar secara kaedah lain...” (R7)

Hal ini dikukuhkan lagi dengan hasil temu bual yang dijalankan di PERTIS Terengganu yang menunjukkan tidak ramai dalam kalangan ahli mereka yang mampu membayar zakat. Kenyataan daripada R1 telah menunjukkan hanya empat orang sahaja dalam kalangan ahli mereka yang menjadi pelaksana zakat.

“...tak ramai pun pembayar ni. Setakat yang saya tahu Cuma 4 orang sahaja yang mengaji di sini...” (R1)

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan oleh penulis kepada beberapa responden yang terdiri daripada OKU penglihatan menunjukkan

terdapat beberapa orang sahaja dalam kalangan mereka yang menunaikan zakat termasuk zakat harta. Majoriti dalam kalangan mereka menunaikan zakat simpanan tetapi pelaksanaan tersebut juga bergantung kepada keadaan semasa mereka. Menurut R4, beliau menunaikan zakat fitrah tetapi bagi zakat harta seperti zakat simpanan dapat ditunaikan mengikut keadaan semasa beliau. Begitu juga bagi R6 yang membayar zakat simpanan tetapi untuk keadaan sekarang terdapat sedikit bebanan yang dihadapi oleh beliau dengan keadaan isteri yang kurang sihat serta perbelanjaan pendidikan anak-anak. Hal ini juga menyebabkan pelaksanaan zakat oleh beliau terjejas.

“...Ada bayar zakat simpanan...” (R2)

“...zakat harta la, simpanan...” (R3)

“...bayar zakat fitrah la. Zakat simpanan ni, kadang-kadang boleh bayar dan kadang-kadang tidak mampu bayar...” (R4)

“...Ya. Bayar zakat harta la iaitu zakat simpanan tetapi tidak banyak tetapi akhir-akhir ini bebanan terlalu banyak seperti perbelanjaan anak saya di universti serta keadaan isteri yang sakit...” (R6)

Kesimpulannya menunjukkan kutipan zakat dalam kalangan OKU penglihatan kurang memuaskan memandangkan hanya sebahagian kecil sahaja dalam kalangan mereka yang mampu menunaikan zakat. Hal ini disebabkan beberapa halangan yang dihadapi oleh mereka terutama halangan ekonomi.

Faktor Ekonomi dalam Menunaikan Zakat

Golongan OKU di negara ini masih berada di tahap yang sama dan tiada aras peningkatan dalam kehidupan harian sama ada dari sudut peluang pekerjaan, kemudahan dan sebagainya. Golongan ini perlu dititik beratkan dan diambil perhatian agar nasib mereka terbela. Ini kerana, golongan ini sering disisih dan dinafikan hak ke atas mereka sedangkan pelbagai kemudahan dan bantuan dapat diberi kepada mereka bagi memudahkan mereka menjalani kehidupan seperti golongan yang normal. Dalam kajian yang telah dijalankan oleh Siti Hajar Abu Bakar et al. (2012) bertajuk *“intervensi sosial untuk komuniti tersisih: ke arah pembangunan ummah”* menyatakan bahawa usaha-usaha sosial untuk memberi peluang kepada mereka iaitu komuniti tersisih agar memajukan diri dalam setiap aspek kehidupan mereka. Beliau menyatakan OKU tergolong dalam kalangan komuniti tersisih apabila meneliti beberapa pendapat daripada ilmuwan. Mereka dikategorikan sebagai golongan kelas bawahan iaitu mereka yang menghadapi masalah kesukaran hidup, kemiskinan hidup, gagal menjalankan fungsi sosial dan ekonomi disebabkan oleh penafian sosial yang seterusnya menyebabkan mereka tidak menerima peluang sosial untuk memajukan diri.

Meskipun golongan OKU mempunyai kekurangan pada diri mereka tetapi mereka juga mempunyai harapan dan hasrat untuk menjalani hidup seperti golongan normal. Mereka tidak ingin kekurangan yang ada pada mereka hanya digunakan untuk menagih kasih daripada masyarakat tetapi ingin membuktikan kemampuan yang ada pada diri mereka agar dianggap sebagai rakyat yang produktif dan berguna. Selain itu, mereka berharap dapat turut sama memberi sumbangan jasa kepada pembangunan negara (Mohd Rizal & Rosmawati 2010). Mohd Fauzi selaku Pengerusi PERTIS Wilayah Terengganu dalam Noor Hayati (2011) juga ada menyatakan bahawa golongan OKU penglihatan tidak ingin hanya berharap kepada bantuan dan belas kasihan daripada masyarakat bahkan mahu menyumbangkan sesuatu seterusnya dapat berdikari menjana ekonomi seharian. Jadi, ini menunjukkan bahawa golongan OKU inginkan suatu perubahan dan peningkatan dalam kehidupan mereka agar tidak hanya menjadi penerima bantuan tetapi ingin menjadi salah seorang yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat.

Mohsin et. al (2010) ada menyatakan bahawa pendapatan adalah penting agar manusia dapat menyempurnakan keperluan hidup seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan keselamatan. Namun, bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) mereka terpaksa berhadapan dengan kesukaran untuk menjana ekonomi dan ini akan memberi kesan dalam pelaksanaan zakat dikalangan mereka. Pendapatan memainkan peranan penting dalam kepatuhan seseorang membayar zakat. Kajian yang dijalankan oleh Hairunnizam et. al (2005) telah menunjukkan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kepatuhan seseorang untuk membayar zakat seperti faktor jantina, umur, taraf perkahwinan, pendapatan dan perbelanjaan. Tahap pendapatan dan perbelanjaan individu dan isi rumah mempengaruhi seseorang membayar zakat. Semakin tinggi pendapatan seseorang, semakin tinggi kebarangkalian seseorang itu membayar zakat kerana pendapatan yang tinggi akan mencukupi syarat cukup nisab zakat. Kesukaran golongan OKU menjana ekonomi memberi kesan kepada mereka untuk melaksanakan zakat sedangkan mereka ingin perubahan dan peningkatan pada diri mereka agar mampu menjadi penyumbang kepada Negara. Ini memandangkan terdapat beberapa halangan ekonomi yang dihadapi oleh mereka iaitu:

Pendapatan yang rendah

Hasil temu bual menunjukkan kebanyakan responden menyatakan ekonomi menjadi salah satu halangan utama buat mereka dalam menyempurnakan tuntutan rukun Islam ketiga iaitu Zakat. Menurut R1 halangan ekonomi menyebabkan mereka hanya mampu menjadi penerima zakat berbanding pembayar zakat. Hal ini memandangkan majoriti dalam kalangan mereka berpendapatan rendah dan tidak cukup untuk memenuhi keperluan seharian mereka.

“...ya. sudah tentu kalau duit tiada bagaimana untuk keluar zakat kan. Kalau kita tanya keluar zakat tak? Dia kata makan pun tak cukup macam mana nak keluar zakat?. Jadi, ekonomi menjadi faktor dan menyebabkan mereka ini memang menjadi penerima sahaja bukan pengeluar...”(R1)

Menurut R4 salah satu faktor menjadi halangan buat mereka untuk menunaikan zakat adalah masalah ekonomi. Beliau berpendapat keadaan ekonomi sekarang menyebabkan perbelanjaan melebihi pendapatan yang mereka perolehi. R5 juga berpandangan bahawa jika mereka mempunyai kadar yang cukup nisab dan haul tidak sukar buat mereka untuk mengeluarkannya. Namun, sukar buat mereka untuk mencapai kadar yang ditetapkan memandangkan sepertimana yang dinyatakan oleh R6 bahawa hanya segelintir sahaja yang berpendapatan tinggi dan majoriti yang lain hanya berpendapatan rendah.

“...ekonomi memang jadi satu faktor la. Dulu, pendapatan yang ada boleh buat simpanan sikit-sikit la. Dengan keadaan hidup hari ini mungkin tak sempat untuk simpan. Pendapatan tidak bertambah tapi belanjanya bertambah kan...” (R4)

“...dari segi bayar, sekiranya cukup haul, nak bayar tidak susah tetapi untuk sampai tahap yang cukup itu yang susah kerana pendapatan tak seberapa...” (R5)

“...Setahu saya kalau OKU ni sebilangan kecil sahaja yang berkemampuan iaitu berpendapatan lebih. Majoritinya berpendapatan rendah...” (R6)

“...Salah satunya dari segi karier, pekerjaan, pendapatan dia tidak sampai tahap perlu membayar zakat lagi. Kebanyakannya begitu. Kalau tengok pun ada yang buat mengurut, refleksologi, kraftangan...”(R7)

Kesimpulannya, setiap insan bekejar-kejar meningkatkan taraf hidup bagi memenuhi keperluan seharian mereka seterusnya berupaya untuk menjadi sebahagian mereka yang memberi sumbangan dalam ekonomi umat Islam iaitu melalui pengeluaran zakat. Namun, bagi golongan OKU penglihatan kekurangan yang ada menjadi kesukaran buat mereka untuk memperoleh pendapatan yang mampu mencapai tahap yang perlu mengeluarkan zakat. Hasil kajian menunjukkan majoriti golongan OKU penglihatan berpendapatan rendah dan terdapat sebahagian mereka yang tidak dapat memenuhi keperluan yang dikehendaki. Selain itu, secara tidak langsung kesukaran tersebut menjadi penghalang buat mereka untuk menjadi pelaksana zakat dan hanya mampu menjadi penerima zakat.

Peluang Pekerjaan Terhad

Hasil dapatan menunjukkan halangan ekonomi yang menyebabkan mereka tidak mampu menjadi pengeluar zakat kerana peluang pekerjaan yang terhad bagi golongan OKU penglihatan. Menurut R1 peluang pekerjaan cukup terhad bagi golongan OKU penglihatan berbanding kategori OKU yang lain. Meskipun terdapat dalam kalangan mereka yang berpendidikan tinggi namun tidak diberi peluang untuk menggunakan kebolehan mereka (R3). Hal ini juga diakui oleh R5 dan R6 bahawa peluang pekerjaan bagi golongan OKU penglihatan cukup terhad.

"...yang tu memang kita tak nafi tapi kita tengok kategori kalau OKU pekak, anggota dia agak mudah tapi untuk OKU penglihatan memang cukup-cukup terhad..." (R1)

"...kenapa kita kata mereka tidak menjadi penyumbang yang aktif kepada zakat kerana sebahagian besar OKU penglihatan mereka ini tidak mempunyai pekerjaan yang tetap..."(R3)

"...Saya tahu ramai sekarang OKU yang dah ada phd (doktor falsafah) ramai dah tapi tak boleh bekerja pun. Haa.. ada master (sarjana), ada apa lagi dengan B.A (ijazah) kan. Tak boleh bekerja sekarang..." (R3)

"...ya, pekerjaan amat terhad..." (R5)

"...pekerjaan terhad..." (R6)

Kesimpulannya, hasil kajian ini bertepatan dengan kajian Zinaida Ariffin (2006) yang menunjukkan bahawa golongan OKU masih belum dapat diterima sepenuhnya di dalam pasaran kerja secara terbuka. Ini kerana, mereka seolah-olah takut untuk menerima pekerja golongan OKU sedangkan mereka juga seperti manusia biasa. Pendapat ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Mohsin et. al (2010) yang mendapati kebanyakan majikan sukar menerima OKU sebagai pekerja.

Kekangan OKU untuk menjana ekonomi kerana tidak diberi peluang dan sering dipertikaikan keupayaan mereka. Kekangan ini perlu diatasi bagi membantu golongan OKU meningkatkan tahap ekonomi mereka serta mengubah mentaliti dan persepsi masyarakat terhadap golongan OKU yang masih berada di tahap yang lama. Majikan seharusnya bersikap lebih terbuka dengan memberi peluang pekerjaan kepada golongan OKU untuk bekerja di tempat mereka. Ini kerana melalui peluang yang diberikan mereka akan mampu mengubah kehidupan mereka pada satu tahap yang lebih baik dan berpeluang menunjukkan kelebihan yang ada pada diri mereka serta menutup segala

kekurangan yang dimiliki. Di samping itu, penjana ekonomi oleh golongan OKU dapat menjadikan mereka sebahagian pelaksana zakat dan secara tidak langsung peningkatan kutipan zakat ini mampu meningkatkan kadar ekonomi Negara seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan yang ada.

Persepsi Negatif Masyarakat

Kesukaran golongan OKU penglihatan menjana ekonomi juga disebabkan persepsi negatif masyarakat luar yang masih menganggap golongan OKU penglihatan tidak berkemampuan untuk menguruskan sesuatu pekerjaan. Hal ini memandangkan masih terdapat pandangan daripada masyarakat bahawa mereka hanya mampu menjadi peminta sedekah. Hal ini diakui oleh R3 yang menyatakan masih terdapat persepsi negatif dalam kalangan masyarakat bahawa golongan OKU hanya tahu mengemis.

“... Sekarang dia memang ada satu stigma masyarakat kita apabila tengok je OKU tidak fikir lain melainkan sebagai peminta sedekah...” (R3)

Dapatan ini juga bertepatan dengan yang terjadi kepada Harun Endot dalam Azira (2009) yang juga merupakan OKU penglihatan. Beliau mampu memiliki lima cawangan kedai runcit meskipun beliau tidak dapat melihat tetapi mempunyai semangat yang kental bagi mengharungi segala cabaran hidup. Namun begitu di sebalik kejayaan yang dikecapi olehnya, beliau tidak menafikan meskipun beliau mampu menyara hidup tetapi masih terdapat kritikan dan cemuhan dari masyarakat luar bahkan terdapat dikalangan mereka yang tidak ingin berbelanja di kedainya hanya kerana tidak yakin dengan kebolehan dirinya menguruskan perniagaan.

Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke- 16, golongan OKU terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk memasuki alam pekerjaan. Beliau menyatakan persepsi negatif, takut dan kurang keyakinan oleh pihak majikan untuk mengambil pekerja dari kalangan OKU antara cabaran utama yang terpaksa dihadapi (Susan 2012). Sikap majikan yang sering membuat tanggapan yang salah terhadap golongan OKU juga menjadi faktor kesukaran mereka mendapatkan pekerjaan. Pihak majikan sering tersilap menilai kebolehan OKU seperti mereka akan menyebabkan pengeluaran produktiviti rendah, sikap merendah diri yang tinggi serta kadar kemalangan yang tinggi (Stone & Sawatzki 1980) dalam (Mohd Rizal & Rosmawati 2010).

Jika persepsi seperti ini berterusan, ia boleh menjatuhkan semangat golongan OKU untuk terus bangkit. Masyarakat luar seharusnya membuka ruang dan peluang bagi golongan OKU memajukan diri mereka. Mereka tidak ingin kekurangan yang ada pada diri mereka hanya digunakan untuk menagih

kasih bahkan mereka ingin menjadi rakyat yang berguna dan produktif seterusnya menjadi penyumbang dalam pembangunan Negara (Mohd Rizal & Rosmawati 2010). Masyarakat perlu mengubah persepsi negatif seperti itu dan seharusnya menyokong usaha mereka serta menerima mereka seperti yang lain. Mereka memerlukan kepada kehidupan yang normal dan seharusnya masyarakat kagum dengan kecekalan mereka menyara hidup meskipun terdapat kekurangan. Islam sendiri tidak pernah mengajar umatNya untuk menjatuh dan merendah-rendahkan sesama makhluk bahkan Islam mengajar umatNya menyantuni dan melayani golongan OKU.

CADANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Hasil kajian menunjukkan golongan OKU penglihatan tidak ramai yang mampu menunaikan zakat kerana berhadapan dengan halangan ekonomi dalam memenuhi tuntutan rukun Islam ketiga tersebut. Oleh itu, terdapat responden mencadangkan beberapa usaha yang dapat dilakukan bagi penambahbaikan ekonomi golongan OKU penglihatan agar mampu menaikkan taraf hidup mereka seterusnya menjadi sebahagian pengeluar zakat.

Responden mencadangkan agar pihak MAIDAM iaitu pihak pengurusan zakat di Terengganu dapat memainkan peranan mereka dengan membantu golongan OKU menjalankan perniagaan iaitu dengan dengan memberi bantuan modal kepada mereka. Namun, bantuan tersebut perlu disusuli dengan latihan dan pemantauan oleh pihak berwajib agar usaha tersebut tidak menjadi sia-sia. Responden juga mencadangkan agar pihak institusi zakat dapat membantu golongan OKU dengan mewujudkan sebuah bazar OKU iaitu satu tempat yang khusus buat golongan OKU dengan pelbagai kemudahan yang mesra OKU. Usaha ini bagi memudahkan mereka menjalankan perniagaan bagi meningkatkan ekonomi mereka.

Kesukaran golongan OKU penglihatan menjana ekonomi juga disebabkan persepsi negatif dari masyarakat luar yang masih menganggap golongan OKU penglihatan tidak berkemampuan untuk menguruskan sesuatu pekerjaan. Pandangan dan sikap prejudis daripada sesetengah pihak sebegini menyebabkan mereka berterusan menjadi penerima zakat dan tidak mampu untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Justeru itu, masyarakat seharusnya menghapuskan segala stigma negatif tersebut dan sebaliknya menyokong golongan OKU termasuk OKU penglihatan agar mereka mampu berjaya seiring golongan normal yang lain.

Implikasi kajian ini agar dapat memberi maklumat kepada pihak institusi zakat tentang peranan yang dapat dilakukan oleh pihak mereka bagi membantu golongan OKU keluar dari kelompok asnaf bahkan menjadi

sebahagian penyumbang zakat. Kajian ini juga diharapkan dapat dimanfaatkan oleh setiap pihak dan diharapkan akan ada kesinambungan daripada kajian ini.

KESIMPULAN

Zakat menjadi kewajipan ke atas setiap Muslim sama ada normal atau orang kurang upaya setelah mencukupi syarat yang telah ditetapkan syarak iaitu Islam, cukup nisab dan cukup haul setahun. Namun, bagi golongan OKU penglihatan tidak ramai dalam kalangan mereka yang mampu melaksanakan zakat kerana menghadapi kesukaran terutama dari sudut ekonomi. Kajian ini mengenal pasti beberapa faktor yang menjadi penghalang bagi mereka menjana ekonomi iaitu pendapatan rendah, peluang pekerjaan yang terhad dan persepsi negatif daripada sesetengah masyarakat.

Hasil kajian ini memberi gambaran bahawa golongan OKU masih tidak diterima sepenuhnya di dalam pasaran kerja sama ada sektor kerajaan atau swasta. Kesukaran mereka menjana ekonomi ini menjejaskan kutipan zakat di kalangan mereka. Golongan OKU termasuk OKU penglihatan perlu diberi sokongan agar dapat menggunakan kemahiran yang ada serta meningkatkan taraf hidup mereka. Jika golongan OKU penglihatan mampu untuk menjana ekonomi dan mempunyai pendapatan yang mencukupi syarat, maka kutipan zakat dalam kalangan mereka akan dapat dipertingkatkan. Secara tidak langsung, ia mampu membangunkan kadar ekonomi Negara seterusnya membasmi masalah kemiskinan dan masalah ekonomi lain. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing untuk membantu golongan OKU meningkatkan taraf hidup mereka.

Di samping itu, golongan OKU perlu berusaha untuk keluar dari kelompok kemiskinan. Mereka perlu menggunakan kebolehan dan kelebihan yang ada pada diri mereka bagi menjana ekonomi. Meskipun terdapat kekurangan tetapi ia tidak menjadi penghalang buat mereka untuk berjaya. Ini kerana mereka insan terpilih yang istimewa dan dianugerahkan dengan kelebihan yang lain. Mereka juga perlu berusaha dan mencari inisiatif agar dapat memajukan diri mereka. Ini kerana, mereka tidak akan memperoleh kejayaan meskipun pelbagai bantuan dan sokongan yang diberikan jika diri mereka sendiri tidak ingin berusaha untuk memajukan diri mereka.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim.

Ab Aziz Mohd Zin et al. 2009. Dakwah dalam pelaksanaan ibadat utama. Dlm. Ab Aziz Mohd Zin, Mohamad Kamil Ab Majid, Anisah Ab Ghani, Mohd Fauzi Hamat, Nor Raudhah Hj Siren & Juwairiah Hassan.

Dakwah Islam terhadap orang kurang upaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abd Wahab Fatoni & Adibah Hasanah Abd Halim. 2008. Mobilisasi Zakat dalam Pewujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan. *Jurnal Syariah*. Jil. 16.

Abu Ruwais. 2008. *Siri Pedoman Zakat*. Selangor: Karya Bestari.

Al-Khin, Mustofa, al-Bugho, Mustofa & al-Syarbaji, Ali. 2011. *Fiqh al-Manhaj* 'ala Mazhab al Imam al-Syafie. Damsyik: Dar al-Qalam.

Azira Mohd Nasir. 2009. Harun Gigih Berniaga Demi Anak. *Sinar Harian*, 13 November: T21.

Bryman, A. (2001). *Social Research Methods*. United States: Oxford University.

Al-Bukhari, Abi Abdillah Muhammad ibn Ismail. 2009. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Darul Ibnu Hizm.

Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan, Buku 1*. Malaysia: McFraw- Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Nor & Sanep Ahmad. 2005. Kesedaran Membayar: Apakah Faktor Penentunya?. *International Journal of Management Studies*. 12 (2).

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2009. Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati?. *Jurnal Syariah*. Jil 17.

Hasan Bahrom. Membayar Zakat: Kesedaran Ummah?. 2005. Dlm. Abdul Halim Mohd Nor, Hasan Bahrom, Syahbudin Senin, Abdul Ghafar Baba & Siti Azirah Abdul Wahab. *Isu-isu Kontemporari Zakat di Malaysia*. Jil. 1. Selangor: Institut Kajian Zakat Malaysia (Ikaz) Universiti Teknologi Mara.

Ibnu Manzur. 1996. *Lisan al-Arab*. Beirut-Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). 2011. *Garis panduan pendaftaran orang kurang upaya*. <http://www.jkm.gov.my/>

- Malaysia. 2008. *Akta Orang Kurang Upaya 2008*. (Akta 685).
- Mohamad Zaini Yahaya et. al. 2014. *Tafsir Maudhu'iy: Ibadah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rizal bin Mohd Said & Rosmawati binti Sulaiman. 2010. *Faktor-faktor Yang Mendorong Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Bekerja di Jaro (Johor Area Rehabilitation Organisation)*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohsin bin Unzir, Mohamad Abdullah bin Royo & Zarina binti Nasir. 2010. *Faktor-faktor Yang Mendorong Golongan Orang Kurang Upaya Bekerja di Bengkel Daya Klang, Selangor*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Ramzi Omar. 2004. *Zakat menurut empat mazhab*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Mutawalli Sya'rawi. 2012. *Ensiklopedia Zakat*. Johor: Perniagaan Jaharbesa.
- Noor Hayati Mamat. 2011. Tak Mahu Hanya Minta Sedekah. *Sinar Harian*, 29 Disember: T5
- Othman Lebar. 2014. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patti Fuhr & Lyman Norden. 2002. *Visual Impairment and Blindness*. Washington: Employee education system.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 2001. *Fiqh al-Zakat Dirasah Muqaranah li Ahkamihawa Falsafatiha Fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Beirut: Muassasah alRisalah.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2005. Kesan Prestasi Agihan oleh Institusi Formal ke atas Kepatuhan Membayar Zakat. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarimah Ismail, NorShahril Abdul Hamid & Rohana Hamzah. 2012. Halangan Orang Kurang Upaya (Pendengaran) di Malaysia mendapat pekerjaan. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2013*, 2012.
- Siti Hajar Abu Bakar, Noralina Omar, Abd Hadi Zakaria & Haris Abd Wahab. 2012. Intervensi Sosial Untuk Komuniti Tersisih: Ke Arah Pembangunan Ummah. *Jurnal Hadhari*. 4(2).

- Siti Suhaila binti Samian, Khadijah Yahya bin Buntat. 2013. Persepsi Majikan Terhadap Pekerja Orang Kurang Upaya (OKU) dalam Organisasi di Negeri Johor. *International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*.
- Stone & Sawatzki. 1980. Dlm. Mohd Rizal bin Mohd Said & Rosmawati binti Sulaiman. 2010. *Faktor-faktor Yang Mendorong Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Bekerja di Jaro (Johor Area Rehabilitation Organisation)*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Susan binti Edwin. 2012. *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kurangnya Pengambilan Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Bekerja di Sektor Swasta*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- WHO. 2007. *International Classification of Functioning, Disability and Health*. Switzerland: World Health Organization.
- Zarina Kadri, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. 2012. Zakat Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)*. Jil 2.
- Zinaida Ariffin. 2006. *Kerjaya untuk Orang Kurang Upaya*. Selangor: PTS Sdn. Bhd.